



LANDASAN TEORI

A. PENGERTIAN ISLAM

Perkataan Islam adalah dari bahasa Arab, berasal dari kata "aslama" (اسلم) dan kata dasarnya ialah "Salima" (سلم) berarti sejahtera, tidak cacat.

Menurut istilah Islam diertikan sebagai patuh (taat) dan berserah diri kepada Allah Taala. Dengan kepatuhan dan penyerahan diri secara meyakini (tanpa reserve) itu terwujudlah sejahtera dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.¹

Penganut Islam disebut muslim. Muslim itu taat dan berse-
rah kepada Allah selalunya bergantung kepada kepatuhan dan pen-
yerahan dirinya itu. Makna Islam dalam istilah mukmin ialah agama
dan penyerahan diri kepada Allah.²

Manakala pengertian Islam pula amat luas sekali. Ia tidak
boleh disamakan dengan pengertian agama atau 'religion' sebagai-
man yang difahamkan oleh Barat.³

Menurut orang-orang Barat religion hanya terbatas kepada
jiwa-soul kepercayaan, penyembahan dan kekuasaan tertentu sahaja.
Definisinya ialah "Religion is the world generally used to des-

¹ Drs. Sidi Ghazalba, Masyarakat Islam, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1976, hal. 78.

² T.M. Hasan El Muhammady, Kuliah Iman dan Islam, Cetakan Ke-
dua, Pengkongsian Dayang dan Pencetak Kepreco, Medan, 1959, hal. 9.

³ Ibid. hal. 10.

eribe man's relation to devine of supream power and various or-
ganized system of belief and wordship in which this relation ha-
ve been express." ⁴

Sebaliknya Islam adalah satu cara hidup yang lengkap,yak-
ni satu jalan kehidupan manusia yang aktual dan nyata berlaku de-
ngan segala unsur-unsurnya mengandung konsep kepercayaan yang
menafsirkan hakikat alam semesta dan menentukan posisi manusia.

Unsur-unsur ajaran Islam mencakupi seluruh kehidupan,me-
lengkapi segala keperluan dan melindungi segala aspek kehidupan
manusia.Islam juga bukan semata-mata peribadatan yang dilakukan
oleh orang-orang yang yakin dengannya samada secara individu
atau 'collective'.Ia juga bukan merupakan jalan ke akhirat bagi
memperolehi ganjarannya sehingga meninggalkan langsung urusan
duniawi,demikian juga untuk mencapai kenikmatan dunia hingga me-
tinggalkan unsur-unsur akhirat.⁵

Berdasarkan tajuk kertasprojek ini mempunyai kaitan rapat
dengan unsur-unsur ajaran Islam yang mencakupi seluruh aspek hi-
dup manusia,demikian juga sikap dan penerimaan masyarakat terha-
dap Islam serta aktiviti-aktiviti yang dijalankan untuk mening-
katkan pengamalannya mengikut lunas-lunas yang telah ditetapkan.

Justeru itu penulis merasakan amat perlu diberi penekanan

⁴ Poitier Rosicrucion, Chambers Encyclopaedia, New Revised
Edition, vol. XI, Learning System Corporation Limited, London Inter-
national, 1976, hal. 1970.

⁵ Sayid Qutb, Islam dan Masa Depan, Terjemahan A.R. Saifuddin
Zaki, Daarul Dakwah Luhud, Indonesia, Jakarta, 1973, hal. 7.

tentang pengertian dakwah Islamiah lantaran hanya bertitiktolak dari sikap dan reaksi masyarakat terhadap ajaran Islam itu sendiri.

PENGERTIAN DAKWAH

Dakwah berasal dari kalimah Arab. Kata dasarnya ialah "Da'aa" (د ا ع) berarti seruan, panggilan dan ajakan.⁶ Firman Allah Taala.

قَالَ رَبِّهَا النَّجْمُ أَحَبُّ إِلَيَّ مِمَّا يَدْعُونَنِي إِلَيْهِمْ وَأَتَّبِعُهُمْ
كَيْدَ هَؤُلَاءِ الْيَهُودِ وَأَكُنْ مِنَ الْجَاهِلِينَ

Maksudnya: "Yusuf berkata, 'Wahai Tuhanku, penjara lebih aku sukai daripada memenuhi ajakan mereka kepadaku. Dan jika tidak Engkau hindarkan daripadaku tipudaya mereka tentu aku akan cenderung untuk memenuhi keinginan mereka dan tentulah aku termasuk dalam golongan orang-orang yang bodoh.'"⁷

وَاللَّهُ يَدْعُو إِلَى دَارِ السَّلَامِ وَيَهْدِي مَنْ يَشَاءُ إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ

Maksudnya: "Allah menyeru (manusia) ke Darussalam (syurga) dan menunjuki orang-orang yang dikehendakinya kepada jalan yang lurus (Islam)."⁸

atau Rasulullah S.A.W yang ditujukan kepada Hiraql:

ادْعُوكَ بِدَعَاةِ الْإِسْلَامِ

Maksudnya: "Aku menyeru dengan seruan Islam (iaitu dengan kalimah Al Syahadah yang diseru orang-orang bukan Islam dengan nya".⁹

Dakwah di segi bahasa juga bermaksud "menyeru orang lain

⁶ Al Munjid Fillughah Wa Al Adab Wa Al Ulum, Cetakan XIX, Al Maktabah Al Khaliliah, Beirut, 1927, hal. 216.

⁷ Surah Yusuf, ayat 33.

⁸ Surah Yunus, ayat 25.

⁹ Al Doktor A.I Wansan, Al Mu'jam Al Mafahim Li Alfaz Al Nabawi, Juzuk 1, hal. 216.

kepada sesuatu atau memberi perangsang kepada orang lain untuk mendapatkan sesuatu."¹⁰

Di segi istilah terdapat banyak pendapat yang mentakrifkan pengertian dakwah;

1. Sheikh Ali Mahfuz,

"Menyeru manusia agar memperbuat kebaikan dan menurut perintah, menyeru mereka berbuat kebajikan dan melarang mereka dari pada perbuatan mungkar agar mereka mendapat kebahagiaan di dunia dan akhirat."¹¹

2. Muhammad Natsir,

"Usaha untuk menyeru dan menyampaikan kepada perorangan manusia dan seluruh umat, konsepsi Islam tentang pandangan dan tujuan hidup manusia di dunia ini yang meliputi amar ma'ruf, nahi munkar dengan pelbagai macam media dan cara yang diperolehi dan dihidang dan membimbing pengalamannya dalam perikehidupan perorangan, berumah tangga(usrah), bermasyarakat dan bernegara."¹²

3. Letjen H.Sudirman menulis tentang definisi dakwah sebagai

"Usaha untuk merealisasikan ajaran Islam dalam kegiatan hidup sehari-hari bagi kehidupan seseorang maupun bermasyarakat sebagai keseluruhan tatahidup bersama rangka pembangunan bangsa dan

¹⁰ Wan Hussein Azmi, Ilmu Dakwah, Cetakan Pertama, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1984, hal. 2.

¹¹ Sheikh Ali Mahfuz, Hidayatul Mureyidin Ila Mungil Wa'zi Al Khitabi, Cetakan Keenam, AL Mutbaatul Al Uthmaniah Al Mesriah Al Qahirah, 1377 H/1958 M, hal. 17

¹² Dr. A. Rozyad Shaleh, Managment Dakwah Islam, Penerbit Bulan Star, Jakarta, 1977, hal. 6.

umat manusia untuk memperoleh keredhaan Allah".¹³

4. M. Canard mencatatkan pengertian dakwah menurut pandangan agama ialah "Ajakan yang ditujukan kepada manusia oleh Allah dan RasulNya supaya percaya dan yakin kepada agama yang sebenar iaitu agama Islam".¹⁴

5. H.S.M. Nasaruddin Latif mencatatkan bahawa dakwah ialah "Setiap usaha atau aktiviti dengan lisan, lukisan dan lainnya yang bersifat menyeru, mengajak, memanggil manusia lainnya untuk beriman dan mentaati Allah sesuai dengan garis-garis akidah, syariat dan akhlak Islamiah."¹⁵

Dari huraian definisi dakwah di atas, meskipun terdapat rumusan dakwah yang berbeza namun dapat disimpulkan bahawa:

- a. Dakwah merupakan proses penyelenggaraan sesuatu usaha atau aktiviti yang dilakukan dengan sadar dan sengaja.
- b. Usaha yang diselenggarakan itu adalah berupa:
 - i. mengajak orang lain untuk beriman dan mentaati perintah Allah Taala.
 - ii. amar ma'ruf, perbaikan, pembangunan dan ialah.
 - iii. mencegah perbuatan nahi munkar.
- c. Proses penyelenggaraan usaha tersebut dilakukan untuk mencapai tujuan tertentu iaitu kebahagiaan dan kesejahteraan di-

¹³Letjen H. Sudirman, Problematika Dakwah Islam di Indonesia, Bunga Dakwah, Pusat Dakwah Islam Indonesia, Jakarta, 1973, hal. 42.

¹⁴M. Canard, Da'wa Encyclopaedia of Islam, New Edition, vol. II, Leiden E.S. Brill, 1965, hal. 166.

¹⁵H.S.M. Nasaruddin Latif, Teori dan Praktik Dakwah Islam, Penerbit Fina Dana, Jakarta, hal. 11.

yang diarahkan Allah.¹⁶

Prof. Taha Jahya Omar memberi pengertian khusus bagi dakwah ialah "Mengajak manusia dengan cara bijaksana kepada jalan yang benar sesuai dengan perintah Tuhan untuk keselamatan dan kebahagiaan di dunia dan akhirat".¹⁷

Dari pengertian di atas penulis dapat merumuskan bahwa dakwah itu merupakan satu proses atau usaha yang sistematis dan berencana terlebih dahulu untuk menyeru manusia sama individu atau kumpulan ke arah melakukan kebaikan untuk mencapai kebahagiaan hidup, dengan meyakini kebenaran Islam dari segi akidah, syariat dan akhlak. Seterusnya manusia akan menjalani hidup berdasarkan nilai ketiga-ketiga aspek yang tersebut.

1. HUKUM DAN KEWAJIPAN BERDAKWAH

Allah Ta'ala.

كنتم خیر امة اخرجت للناس
منون بالمعروف
ومنکر عن المنکر وتو منون بالله

Allah Ta'ala: "Kamu adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan untuk (kebaikan dan) maslahatan) manusia. Kamu mengajak kepada kebaikan dan kamu mencegah dari kemungkaran serta kamu beriman kepada Allah".¹⁸

Islam adalah agama risalah untuk manusia keseluruhannya.

Islam adalah pendokong amanah untuk meneruskan risalah itu

¹⁶ Dr. A. Rasyad Shaleh, ibid. hal. 10.

¹⁷ Prof. Taha Jahya Omar M.A., Ilmu Dakwah, Pustaka Widjaya, Jakarta, 1967, hal. 1.

¹⁸ Surah Al Imran, ayat 110.

tidak baik sebagai umat kepada umat-umat lain ataupun ke-
satu-pencorongan di mana sahaja mereka berada sampai ketampuan
masing-masing.¹⁹ Sabda Rasulullah S.A.W.

بَلِّغُوا مَنِ رَزَاة

terjemahnya: "Sampaikanlah apa yang kamu terima/daripadaku, walaupun
satu ayat".²⁰

Tanggungjawab berdakwah, melaksanakan amar ma'ruf dan men-
gugurkan nahi mungkar bukan hanya tertentu kepada Rasulullah
sahaja, namun ianya menjadi satu kewajiban setiap muslim secara
perseorangan tanpa terkecuali sebagaimana firman Allah Taala.

وَالَّذِينَ مَكَرُوا بِدَعْوَانَا إِلَى الْخَيْرِ فَأَمَرْنَا بِالْمَعْرُوفِ
صَحَّوْنَ مِنَ الْمُنْكَرِ وَأَتَيْنَاكَ هُمُ الطَّاهِرُونَ

terjemahnya: "Dan hendaklah ada di antara kamu segelangan umat yang
menyeru kepada kebajikan, menyuruh yang ma'ruf dan men-
cegah dari yang mungkar. Mereka itulah orang-orang yang
beruntung".²¹

Dalam menentukan hukum berdakwah ini, para ulama telah mem-

berikan dua pendapat:

1. Mereka yang berpendapat bahawa tugas dakwah itu adalah
sungguh-sungguh. Ini bererti: setiap orang Islam itu diwajibkan berdak-
wah mengikut kemampuannya dan dengan apa yang ada padanya supaya
seluruh umat Islam seluruhnya akan berusaha menyeru kepada
kebaikan dan menjauhkan kemungkaran.²² Kewajiban ini adalah suatu

¹⁹ M. Natsir, Fiqh-dakwah, Cetakan Pertama, Pustaka Nasional,
Singapore, 1980, hal. 110.

²⁰ Al-Doktor A.I. Wahbah, Al-Ma'ani Al-Mufahrisa Li-Ahwal Al-
Islam, Al-Nabawi, Juzuk 2, hal. 150.

²¹ Surah Al-Imran, ayat 104.

²² M. Natsir, Al-Ma'ani Al-Mufahrisa Li-Ahwal Al-
Islam, Al-Nabawi, Juzuk 2, hal. 150.

yang amat dituntut oleh ajaran Islam dan wajib ditunaikan mengikut kemampuan dan keupayaan seseorang individu muslim dengan penuh keikhlasan dan rasa tanggungjawab.

2. Mereka yang berpendapat bahawa hukum dakwah itu fardhu kifayah. Ia khusus kepada orang yang tertentu sahaja iaitu orang-orang yang benar-benar memahami Islam dan tidak termasuk orang bi-ilmu. Justeru itu hukum ini dikira sebagai suatu yang terangkat dan dapat menyempurnakan tuntutan orang yang melakukannya mengikut yang sepatutnya.

1. Dalil-dalil yang menunjukkan bahawa hukum berdakwah adalah fardhu ain telah dijelaskan di dalam Al Quran dan hadis .
Bismillah Allah.

ادع الى سبيل ربك بالحكمة والموعظة
الحسنة و جا د لهم

Artinya: "Serulah kepada Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah dan kebijaksanaan dan nasihat yang baik".²⁴

Bismillah Allah.

وادع الى ربك ولا تكون من الضالين

Artinya: "Dan serulah (wahai Muhammad) kepada agama Tuhanmu dan janganlah engkau menjadi golongan yang menyertai orang-orang masyrik".²⁵

Bismillah Allah.

يا ايها الرسول بلغ ما انزل اليك من ربك فان لم تفعل
فما بلغت رساله والله يعصبك من الناس

²⁴ Ibid.

²⁵ Surah An Nahl, ayat 125.

²⁶ Surah Al Qashash, ayat 87.

berkandungnya: "Hai Rasul, sampaikanlah apa yang diturunkan kepadamu dari Tuhanmu. Dan jika tidak kamu kerjakan (apa yang diperintahkan itu) berarti kamu tidak menyampaikan amanatnya. Allah memelihara kamu dari gangguan manusia!"
26

2. Dalil-dalil hadis pula antaranya ialah:

إلا ليبلغنا حد منكم العائب

berkandungnya: "Sesungguhnya hendaklah orang yang hadir ini menyampaikan kepada orang yang tidak mahu hadir".²⁷

جا حدوا الضركين بما مولاكم وأيديكم ولا تستكم

berkandungnya: "Berjuanglah menentang orang-orang musyrik dengan harta benda kamu, tangan kamu dan lilah kamu".²⁸

Selain daripada dalil-dalil tersebut terdapat juga dalil-dalil dari pendapat ulamak dan dalil qias.

3. Dalil pendapat ulamak:

Ada ulamak berpendapat bahawa ketika berkurangan pendakwah dan banyaknya maksiat seperti sekarang ini maka dakwah itu menjadi fardhu ain mengikut kemampuan seseorang itu.²⁹

4. Dalil qias:

Ada satu kaedah dalam Islam yang berbunyi: "Jika sesuatu perkara yang wajib tidak dapat dilakukan kerana iaanya bergantung pada benda lain, maka benda itu juga menjadi wajib diseempurnakan".

²⁶ Surah Al Maidah, ayat 67.

²⁷ Ibn. Hajar, Fathul Bari, Juzuk 3, Cairo, 1380 H, hal. 22.

²⁸ Al Sayuti, Sunan An Nisa' wa Ma'ahu Shahratal Arab, Juzuk 1, 1964, hal. 7.

²⁹ Sheikh Abdul Aziz bin Baz, Risalatani Hammatani Wajibatni bin Sunnah Wa Kufrun man Ankaraha, Al Dawatul Ila Allah, Riyadh, 1980, hal. 13.

Dengan itu segala dasar, peraturan dan kewajiban yang terdapat di dalam Islam itu wajib dilaksanakan sepenuhnya oleh setiap orang Islam, sedangkan untuk menjalankannya ia mestilah didahului oleh dakwah. Maka dakwah Islamiah menjadi kewajiban kepada setiap orang.

2. Dalil yang mengatakan hukum berdakwah itu fardhu kifayah antaranya ialah:

Pernyataan Allah Taala.

وَمَا كَانَ الْمُؤْمِنُونَ لِيَنفِرُوا كَافَّةً فَلَا تَغْرِبْ مِنْ كُلِّ فِرْقَةٍ
مِثْمَ طَائِفَةٍ لِّيَتَفَقَّهُوا فِي الدِّينِ وَلِيُنذِرُوا قَوْمَهُمْ إِذَا
رَجَعُوا إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُونَ

Artinya: "Tidak sepatutnya bagi orang-orang mukmin itu semuanya pergi (ke medan perang). Mengapa tidak pergi dari tiap-tiap golongan di antara mereka beberapa orang untuk memperdalamkan pengetahuan mereka tentang agama dan untuk memberi peringatan kepada kaumnya apabila mereka telah kembali kepadanya supaya mereka itu dapat menjaga dirinya".³¹

Justeru itu setengah ulama: membuat kesimpulan bahawa tidak ada halangan untuk menentukan hukum berdakwah itu terdapat dalam kedua-dua hukum yang tersebut; yakni fardhu ain dan fardhu kifayah. Dakwah itu adalah fardhu ain kerana setiap orang Islam wajibkan menjelaskan dan mengemukakan kepada orang lain yang masih tidak mengetahui tentang pengajaran asas Islam yang menjadi fardhu ain bagi setiap orang walau di manapun mereka berada. Dakwah juga menjadi fardhu kifayah kerana memerlukan golongan

³⁰ Fathi Yakan, Kaifa Nadu'u ila Al Islam, Beirut, 1970, hal. 16.

³¹ Surah Al Taubah, ayat 122.

tertentu di kalangan umat Islam untuk lebih bertanggungjawab dan melaksanakan urusan dakwah dan pengajaran Islam.³²

Dakwah dalam erti amar ma'ruf, nahi mungkar adalah syarat untuk bagi kesempurnaan dan keselamatan hidup masyarakat.³³ Al Qur'an mengatakan Allah telah menjadikan amar ma'ruf nahi mungkar sebagai pembeza antara golongan orang yang beriman dengan golongan munafik. Orang-orang yang beriman selalu menyuruh berbuat ma'ruf dan mencegah mungkar, dan puncaknya ialah menyeru manusia ke-jalan agama Allah Taala.³⁴

Dengan itu dakwah dan iman mempunyai hubungan yang erat. Kewajipan menyingkirkan mungkar adalah tuntutan iman sebagaimana firman Allah Taala.

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَا بَعْضُهُمْ مَرُونَ بِالْمَعْرُوفِ
وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنكَرِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَيَطِيعُونَ اللَّهَ
وَرَسُولَهُ أُولَئِكَ سَيَرْحَمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Artinya: "Dan orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan sebahagian mereka (adalah) menjadi penolong bagi sebahagian yang lain. Mereka menyuruh (mengerjakan) yang ma'ruf, mencegah dari yang mungkar, mendirikan sembahyang, menunaikan zakat dan mereka taat kepada Allah dan RasulNya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana".³⁵

Justeru itu amar ma'ruf nahi mungkar mestilah wujud dalam kehidupan orang-orang Islam agar bagi setiap golongan sumada le-

³² Dr. Abu Al Najd, Al Dakwatul Ila Allah Taala, hal. 31 - 32.

³³ M. Natsir, ibid., hal. 110.

³⁴ Abu Urwah, Risalah Ushrah, Cetakan Pertama, Pustaka Salam, Kuala Lumpur, 1984, hal. 126.

³⁵ Surah Al Taubah, ayat 21.

ah atau kuat dapat disempurnakan hak-hak mereka, di samping dapat menganalisis unsur-unsur istikamah dan faktor penyelewengan. Apa yang penting ialah pengawasan dan pemeliharaan undang-undang. Adapun para pendakwah di jalan Allah merupakan semulia-mulia golongan di samping hukum-hukum Islam yang mana mereka ini mampu membawa orang-orang yang lalai, sesat dan zalim kepada keuntungan iman yang penuh dengan keamanan, ketenangan dan kesejahteraan.³⁶

D. SIAPAKAH PENERIMA DAKWAH

Yang menjadi penerima dakwah Islamiah ini adalah seluruh umat manusia kerana agama Islam diturunkan kepada Nabi Muhammad S.A.W adalah agama yang terakhir dan bersifat universal.

Firman Allah Taala.

قُلْ يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنِّي رَسُولُ اللَّهِ إِلَيْكُمْ جَمِيعًا

Terjemahnya: "Katakanlah; Wahai manusia, sesungguhnya aku adalah Rasulullah kepada kamu sekalian".³⁷

Firman Allah lagi.

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا قُرْآنًا مِّنْ بَيْنِنَا وَمَا نَكُنُ بِكَ بِخَبِيرًا

Terjemahnya: "Dan tidak kami utus engkau melainkan kepada manusia seluruhnya sebagai pembawa berita gembira dan peringatan".³⁸

Dari pengertian ayat-ayat di atas, jelaslah bahawa penerima dakwah atau mereka yang menjadi sasaran dakwah itu adalah seluruh manusia tanpa terkecuali. Semua umat manusia dituntut untuk

³⁶ Muhammad Hussein Fadhlullah, Uslah Al Dakwah Fil Quran, Darul Fikr, Beirut, hal. 126.

³⁷ Surah Al A'raf, ayat 157.

³⁸ Surah Saba', ayat 28.

menerima dakwah selagi dia berakal samada laki-laki atau perempuan tanpa memandang kepada kebangsaan, warna kulit, pekerjaan, daerah tempat tinggal dan sebagainya.

Sebagai bukti apa yang diterangkan di atas, orang-orang yang pertama beriman kepada Rasulullah S.A.W seperti Abu Bakar dari kalangan bangsa Arab, Bilal bin Rabah dari bangsa Negro, Sa'ad dari bangsa Rumawi, Salman dari bangsa Parsi, Khadijah dari kaum wanita, Ali bin Abi Talib dari golongan kanak-kanak, Uthman bin Affan dari kaum hartawan dan Amar dari kalangan mereka yang tidak mampu.

Oleh itu dakwah ini tidak dikhususkan kepada bangsa tertentu, tingkat dan golongan tertentu tetapi Al Quran yang menjadi dasar dakwah itu sendiri hanya menyebut manusia sahaja.³⁹

Pieman Allah Taala.

يَا أَيُّهَا النَّاسُ ارْجِعُوا رِكُمْ

Maksudnya: "Wahai manusia! Sembahlah Tuhan kamu".

40

Dari ayat di atas jelas menunjukkan bahawa dakwah Islamiyah tidak hanya tertumpu kepada individu dan golongan tertentu sahaja, malah ianya tersebar kepada semua manusia tanpa memandang bangsa dan keturunan.

II. METODE DAKWAH

Metode dakwah bermaksud "suatu cara tertentu dengan berfikir sebaik-baiknya untuk mencapai tujuan dakwah iaitu kembalinya

³⁹ Dr. Abdul Karim Zaidan, Dasar-Dasar Ilmu Dakwah (2), Cetakan Ketiga, Dewan Pustaka Fajar, 1987, hal. 110 - 111.

⁴⁰ Surah Al Baqarah, ayat 21.

manusia ke jalan Allah Taala".⁴¹

Dalam mensukseskan dakwah ilmu pengetahuan yang cukup serta keterampilannya dalam menyampaikan dakwah, mempengaruhi keadaan menggunakan situasi dan kondisi serta mengenal sikap mental masyarakat yang didakwah merupakan suatu yang penting. Ilmu pengetahuan yang dimaksudkan itu ialah agama Islam sendiri, di samping pengetahuan-pengetahuan yang bersangkutan dengan penyampaiannya serta rintangan-rintangannya. Ini juga dikatakan metode dakwah. Metode ini berdasarkan kepada beberapa sumber utama yaitu Al-Quran, Sunah Rasul, sejarah hidup para sahabat, pendapat dan pandangan para fuqaha' serta pengalaman-pengalaman yang dimiliki oleh jurudakwah itu sendiri di saat melaksanakan dakwahnya.⁴²

Kerana itulah setiap jurudakwah berkewajiban mempergunakan metode ini kerana ia diperintahkan oleh agama. Kewajiban berpegang teguh dengan apa yang ditetapkan oleh agama dan mempergunakannya dalam mencapai tujuan, sedangkan menyalahinya merupakan suatu kesalahan.

Jurudakwah juga dituntut agar selalu dalam ketelitian, menguji kebenaran dan tidak terjerumus ke dalam kejahatan dan dosa serta dituntut mengikuti dan mempergunakan metode yang benar. Apabila jurudakwah telah mempergunakan dan melaksanakannya, mereka tidak lagi bertanggungjawab tentang akibat perbuatannya untuk men-

⁴¹ KI M.A. Machfoeld, Filosof, Dakwah, Ilmu Dakwah dan Perang Umatnya, Cetakan Pertama, Penerbit Bulan Bintang, 1975, hal. 161.

⁴² Dr. Abdul Karim Zaidan, ibid., hal. 169.

dan tujuan dan maksudnya.⁴³ Firman Allah Taala.

مَا نَعُوذُ إِلَّا بِكَ

Maksudnya: "Maka bertakwalah kamu kepada Allah menurut kesanggupanmu".⁴⁴

E. KEPENTINGAN DAKWAH

Kepentingan dakwah dalam penyiaran agama sangatlah dirasakan perlunya. Dakwah Islamiah telah dilaksanakan oleh Nabi Muhammad S.A.W dengan cara yang sebaik-baiknya sehingga berduyung-duyung umat manusia memeluk Islam pada masa baginda masih hidup dan sesudah wafatnya.⁴⁵

Sememangnya dakwah itu amat penting agar kehidupan suatu agama atau ideologi terus berlangsung. Agama atau ideologi tidak akan terjamin kelangsungan hidupnya tanpa adanya dakwah secara terus-menerus sekalipun ianya amat baik. Rosaknya suatu agama kerana tidak adanya usaha-usaha dakwah oleh pemeluknya. Untuk menyilakan sesuatu agama dakwah harulah dilakukan mengikut cara dan perencanaan yang sebaik-baiknya.⁴⁶

Melalui dakwah inilah berbagai-bagai aktiviti dan usaha dijalankan untuk mengembangkan lagi ilmu-ilmu agama yang mencahupkan aspek yang luas bagi mengislamkan masyarakat dalam rangka memulakan ajaran Islam dalam segala sudut kehidupan. Islam ju

⁴³ Dr. Abdul Karim Zaidan, op.cit. hal. 123.

⁴⁴ Surah Al Tachabun, ayat 10.

⁴⁵ Drs. Anwar Masy'ari, Study Tentang Ilmu Dakwah, Cetakan Pertama, Penerbit Bina Ilmu, Surabaya, hal. 10.

⁴⁶ Ibid. hal. 11.

ia harus disiarkan kerana ia merupakan rahmat bagi seluruh alam dan dijamin dapat mewujudkan kehidupan yang aman dan sejahtera lahir dan batin.⁴⁷

Di samping itu dakwah juga mengandung pengertian sebagai usaha mendorong dan menggerakkan umat manusia untuk menolak dan meninggalkan hal-hal mungkar, iaitu iaitilah untuk negala dosa dan kejahatan yang sepanjang masa dikutuk oleh Allah Taala.⁴⁸

G. TUJUAN DAKWAH

Setiap pelaksanaan dakwah haruslah mempunyai tujuan. Tanpa nya penyelenggaraan dakwah tidak mempunyai erti bahkan hanya merupakan pekerjaan sia-sia yang akan menghamburkan fikiran, tenaga dan biaya sahaja.⁴⁹ Dengan mengetahui tujuan dakwah ini tidak akan berlaku penyelewengan dalam berdakwah dan akan terus menuju matlamat yang ingin dicapai.

Tujuan utama dakwah ialah untuk mencapai kebahagiaan dan kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat yang dikehendaki oleh Allah Taala.

Bagi seseorang individu tujuan dakwah itu akan dapat diraih dan dinikmati apabila ia telah bersedia menerima Islam dan mengamalkan ajarannya dengan erti meyakini kebenaran akidah Islam serta menjadikannya sebagai pegangan hidup.⁵⁰

⁴⁷ Dr. A. Ronyad Shaloh, op.cit. hal. 30.

⁴⁸ Ibid. hal. 27 - 28.

⁴⁹ Ibid. hal. 29.

⁵⁰ Ibid. hal. 34.

Firman Allah Taala.

ومن يتبع غير الاسلام دينا فلن يقبل منه وهو من الخاسرين

Maksudnya: "Barangsiapa mencari agama selain agama Islam, maka tidak akan diterima (agama itu) daripadanya dan dia di akhirat termasuk orang-orang yang rugi".⁵¹

Tegasnya bahawa ajaran Islam itu diyakini dan dihayati sepenuhnya untuk mencapai kehidupan yang diredhai oleh Allah.

Selain daripada itu tujuan penyebaran dakwah ialah untuk mengukuhkan lagi pengaruh gerakan Islam. Persediaan begini dapat menjadi satu tenaga dan daya untuk mengarahkan ummah ke arah penghayatan Islam yang sejati. Sekiranya persediaan ini dapat di atur dengan baik, kedudukan ummah akan menjadi kukuh dan beraida untuk mendukung sepenuhnya syariat Islam. Persediaan dalam meningkatkan pertarbiyahan yang dapat meninggikan mutu kefahaman keilmuan dan penghayatan ummah terhadap Islam.⁵²

Kenyumulan Islam yang merupakan agama yang diredhai Allah amat perlu dibincangkan dalam menyebarkan dakwah. Islam dengan segala kesempurnaannya yang sempurna dan menyempurnakan itu dan tidak memisahkan sebahagian dari keseluruhannya atau memantulkan sebahagian daripadanya kerana ia adalah penutup segala agama.

Islam meliputi serenap kegiatan dan urusan hidup manusia duniawi dan ukhrawi di dalam kekeluargaan dan keharmonian yang

⁵¹ Surah Al Imran, ayat 85.

⁵² Abu Urwah, Risalah Ummah Jilid 3, Cetakan Pertama, Pustaka As Salam, 1982, hal. 19.

... dan unik, di samping merealisasikan kesejahteraan dan keten-
... di dalam jiwa manusia selagi mereka beriman kepada Allah
... mengesakanNya, memberi keselamatan, keamanan dan kebahagiaan.⁵³

Dengan itu Islam sahajalah merupakan cara hidup yang be-
... diredhai dan sebenarnya bagi manusia kerana ia sahaja sesuai
... tabi'i manusia.⁵⁴ Sebagaimana firman Allah Taala.

ا فميرد ير الله يعمون وله اسلم من في السموات والارمر
طوما وكرها واليه يرجعون

Maksudnya: "Maka apakah mereka mencari agama lain dari agama Allah
padahal kepadaNya lah menyerah diri segala apa yang di
langit dan di bumi, baik dengan suka mahupun terpaksa
dan hanya kepada Allahlah mereka dikembalikan".⁵⁵

ان الدين عند الله الاسلام

Maksudnya: "Sesungguhnya agama yang diredhai di sisi Allah hanya-
lah Islam".⁵⁶

ان هذا امكم واحدة وانا ربكم ما عبدون

Maksudnya: "Sesungguhnya (agama tauhid) ini adalah agama kamu se-
mua, agama yang satu dan Aku adalah Tuhanmu, maka sem-
bahlah Aku".⁵⁷

Dengan itu Islam adalah ajaran yang sempurna mencakupi se-
luruh peraturan yang dibutuhkan dalam kehidupan manusia⁵⁸ di man-
apun untuk menjamin ketenangan.⁵⁹

⁵³ Hj. Mohd Tahir Mengati, Jalan Dakwah, Cetakan Pertama, Pus-
taka Salam, 1985, hal. 20.

⁵⁴ Abu A'la Al Maududi, Terjemahan Hashim Hashim dtl, Tiga
Risalah Ad-deen, Cetakan Kedua, Pustaka Ikhwan, hal. 33.

⁵⁵ Surah Al Imran, ayat 83.

⁵⁶ Surah Al Imran, ayat 19.

⁵⁷ Surah Al Anbiya', ayat 92.

Tujuan dakwah juga adalah untuk membangun kehidupan manusia yang pada dasarnya dilakukan kepada dua sasaran, individu dan masyarakat umum samada yang telah Islam ataupun bukan Islam. Bagi orang-orang Islam adalah amat penting mereka mengamalkan ajaran Islam⁶⁰ sebagaimana mestinya dan maksima. Sedangkan bagi non-muslim mentiliah ianya bersifat seruan dan ajakan agar mereka mahu menerima Islam sebagai jalan dan pedoman hidup satu-satunya dinul haq yang membawa kebahagiaan dan keselamatan hidup di dunia dan akhirat.

Di samping itu tujuan dakwah juga ialah untuk membina kehidupan peribadi-peribadi muslim berdasarkan ajaran Islam sehingga terbentuk Insanul-Kamil, iaitu orang-orang yang melandaskan hidupnya di atas dasar "Tauhidullah" sehingga kehidupannya mencerminkan ketakwaan terhadap Allah Taala kerana tujuan kehidupannya hanya dihadapkan untuk mencari keredhaan Allah.⁶¹

Dakwah juga bertujuan untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang sejahtera, penuh dengan kedamaian dan kasih-sayang antara anggotanya dan disebut masyarakat marhamah (Istima'iyatul Marhamah) yakni, suatu bentuk masyarakat yang antara anggotanya memiliki rasa kesatuan (sence of unity) yang kuat iaitu kesatuan aqidah, sikap dan tindahtanduk yang ditegakkan atas dasar tauhidullah.

⁶⁰ Fathi Yakan, Bagaimana Kita Mengamali Kepada Islam, Cetakan Pertama, Penerbit Bulan Bintang, 1978, hal. 92.

⁶¹ Ibid. hal. 96.

⁶² Farid Maa'ruf Noor, Dirasah dan Ahlak Dakwah, Cetakan Pertama, Penerbit Bina Ilmu, Surabaya, 1981, hal. 58.

⁶³ Ibid. hal. 59.

dan takwallah.

Suasana hidup tersebut ditandai dengan adanya persamaan dan persaudaraan, saling cinta-mencintai, hormat-menghormati dan bantu-membantu dalam usaha membela kepentingan, memenuhi kesejahteraan dan kemakmuran serta memelihara keamanan dan ketenteraman hidup seluruh masyarakat.⁶²

Pelaksanaan dakwah juga adalah untuk membangunkan kehidupan bangsa dan negara dalam rangka mewujudkan kehidupan negara yang baik di bawah ampunan Allah Taala.⁶³ Pembangunan negara ini dapat berhasil dengan baik apabila seluruh warganya samada rakyat biasa atau pemerintah dapat menjalankan kewajipan dengan sebaik-baiknya sesuai dengan kedudukan masing-masing.⁶⁴

Justeru itu bentuk kehidupan negara yang adil dan makmur penuh dengan kurniaan nikmat serta limpahan rahmat dan dinaungi dengan keberkatan dan keredhaan Allah Taala itu akan terwujud dan menjadi kenyataan kerana seluruh penduduknya melandaskan seluruh amal usahanya di atas dasar iman dan takwa kepadanya.⁶⁵

Firman Allah Taala.

وَلَوْ أَنَّهُمْ آمَنُوا وَاتَّقَوْا لَفُتِحَ عَلَيْهِمْ بَرَكَاتٌ مِنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ

terjemahnya: "Dan sekiranya penduduk negeri itu beriman dan bertak-

⁶² Ibid. hal. 64.

⁶³ Ibid. hal. 66.

⁶⁴ Ibid. hal. 67.

⁶⁵ Ibid. hal. 69.

wa pastilah kami akan melimpahkan kepada mereka keberkahan dari langit dan bumi".⁶⁶

Umat manusia hendaklah beruruk untuk mewujudkan penghidupan Islam di negara mereka walau dengan apa bentuk dan cara sekalipun untuk kebaikan umat manusia. Usaha yang gigih ini amat diperlukan dalam pelaksanaan dakwah. Oleh itu tujuan berdakwah mencakupi aspek yang amat luas, bukan hanya terbatas kepada cita-cita, harapan dan doa kepada Allah semata-mata untuk menghapuskan kezaliman di dunia ini.

B. PENGERTIAN MASYARAKAT ISLAM

Masyarakat Islam adalah suatu masyarakat yang tercipta oleh syariat ciptaan Allah. Ia tumbuh dengan sempurna semanjak ia dijadikan tanpa melalui proses evolusi sejarah. Syariat inilah yang menciptakan masyarakat Islam, dibangunkan di atas landasan-landasan yang dikehendaki Allah untuk hamba-hambanya, bukan menurut konsep yang ditetapkan atau kemahuan golongan manusia terhadap sejumlah manusia lain. Di bawah syariat ini menjadi landasan pertumbuhan jannah yang bercorak Islam dan terciptalah hubungan kerja dengan produksi, buruh dan kaedah moral⁶⁷ masyarakat, perancangan dan masyarakat, budi-pekerti dan undang-undang perundangan bahkan mencakupi segala upaya tertentu untuk mengukuhkan tatakeluarga sosial dan menggariskan jalan untuk tumbuh dan beradab.⁶⁸

⁶⁶ Surah Al A'raf, ayat 96.

⁶⁷ Sayid Quth, Masyarakat Islam, Cetakan Pertama, Penerbitan Yayasan Al Taufik, Pt. Al Ma'arif, Bandung, 1978, hal. 47.

⁶⁸ Ibid, hal. 48.

Menurut Dr. Muhammad Amin Al Mieri, mentakrifkan masyarakat Islam ialah "masyarakat yang berbeda dari masyarakat lainnya dengan aturan-aturan khasnya, pandangan quraninya dan individu-individu yang sama-sama berada dalam satu kardah dan sama-sama menghadap ke satu kiblat. Masyarakat ini ment⁶⁹ terbentuk dari beraneka ragam kaum dan berbagai cara bahasa, tetapi ia memiliki ciri khas yang sama, kebiasaan-kebiasaan umum dan tradisi-tradisi yang sama. Tali yang mengikat individu masyarakat Islam ialah tali iman kepada Allah yang merupakan tali ideologi dan akidah, bukan pertalian darah, bukan pertalian nasab dan bukan pula pertalian fungsional kelompok. Ia merupakan pertalian mulia dan paling kukuh. Tidak ada satupun tali yang bisa menempati kedudukannya dan menahatinya.⁷⁰

1. MASYARAKAT SEBAGAI PENERIMA DAKWAH

Dalam memelihara dan membela keselamatan hidup serta keselamatan masyarakat Islam meletakkan tanggungjawab ke atas para anggotanya sesuai dengan prinsip penghargaannya terhadap keunikan pribadi manusia.⁷¹

Masyarakat sebagai penerima dakwah merupakan kumpulan dan organisasi di mana benih materi dakwah itu ditabur.⁷² Untuk mengetahui

⁶⁹ Dr. Muhammad Amin Al Mieri, Pedoman Pendidikan Masyarakat (Bandung: Maden, Cetakan Pertama, Penerbit Husaini, Bandung, 1987, hal. 9.

⁷⁰ Ibid. hal. 10.

⁷¹ M. Natsir, loc. cit. hal. 111.

⁷² Ibid. hal. 112.

ini keadaan masyarakat, mereka ini tergolong dalam beberapa kategori:

1. Umat yang berfikiran kritis, tergolong orang-orang yang berpendidikan dan berpengalaman. Orang-orang ini dapat dipengaruhi jika fikirannya menerima sesuatu dengan baik. Sebelum menerima sesuatu biasanya mereka ini berfikiran secara mendalam dan tidak mudah menelan begitu saja apa yang dikemukakan kepadanya. Golongan ini juga disebut umat yang rasional.
2. Umat yang mudah dipengaruhi, yakni golongan masyarakat yang senang dipengaruhi oleh faham baru tanpa menimbang secara matang apa yang dikemukakan kepadanya. Apa yang dilakukan oleh orang lain dengan mudah diikutinya tanpa memikirkan salah atau benarnya. Golongan ini dikategorikan sebagai umat yang irrasional.
3. Umat yang bertaklid, yakni golongan yang fanatik buta terhadap kepada tradisi dan kebiasaan turun-temurun. Apa yang dipandangnya benar hanyalah kebiasaan yang diwarisi dari nenek moyangnya tanpa menyelidiki salah atau benarnya. Sebaliknya segala yang bertentangan dengan tradisi moyang mereka di anggap salah. Ada juga yang bertaklid kepada satu fahaman, pendirian, agama atau aliran tertentu, yakni orang-orang yang mengikuti sesuatu tanpa pemikiran dan fanatik kepada pendirian itu. Argumentasi yang tidak diterimanya walaupun ia ternyata benar.⁷³

Dari bentuk-bentuk masyarakat yang berbeda ini dakwah de

nyan segala aktivitinya adalah amat penting untuk menarik minat golongan tersebut supaya meminati lalau dan seterusnya membangun masyarakat. Ada atau tidaknya dakwah akan menentukan tegak atau robohnya sesebuah masyarakat kerana masyarakat terbina atas dasar satu jamaah dan jamaah tidak bisa dibangunkan tanpa dakwah. ⁷⁴

Dengan itu dakwah merupakan satu ilmu untuk mempengaruhi masyarakat dari jalan yang batil kepada jalan yang benar dengan penuh hikmah kebijaksanaan. Teknik mempengaruhi inilah yang mesti dikuasai sebelum melaksanakan dakwah yang baik lantaran ia bukanlah sesuatu yang boleh dicapai dengan mudah dan sewenang-wenangnya terutama kepada golongan masyarakat yang bernagai jenis.